

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**16 MEI HINGGA 26 MEI 2016**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sasaran pembangunan Dasar Induk Perlindungan Sosial sebagai pengkalan data utama penerima bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan dan apakah langkah proaktif yang diambil bagi memastikan tidak berlaku ketirisan dan keciciran dalam proses pengekodan data.

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Induk Sistem Perlindungan Sosial Negara yang sedang dirangka oleh Kerajaan mencadangkan agar satu mekanisme sasaran yang bersepadu dan bersesuaian dibangunkan bagi memudahkan Kementerian dan agensi untuk mengenal pasti pemohon yang layak untuk menerima program perlindungan sosial. Justeru, ***single window service*** dengan ***full inter-agency data system interoperability*** sedang diwujudkan untuk memudahkan Kementerian dan Agensi mendapatkan maklumat mengenai penerima, senarai dan syarat kelayakan program Perlindungan Sosial.

Sistem ini juga akan memudahkan urusan pemantauan penerima program dan memudahkan penguatkuasaan *exit policy*. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah menyepadukan data penerima bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan eBantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Sistem eKasih. Seterusnya, Kerajaan akan menambahbaik sistem eKasih kepada ***full inter-agency data system interoperability***.

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap agensi pelaksana juga diwajibkan untuk menggunakan pangkalan data tunggal ini iaitu Sistem eKasih dalam menentukan kumpulan sasaran

bagi setiap program bantuan. Selain daripada memudahkan perkongsian maklumat antara agensi, penggunaan pangkalan data tunggal ini dapat memastikan tiada ketirisan dan kecaciran dalam proses pengerekodan data.

Sekian, terima kasih.